



26 APR, 2024

## Faizal Saari idola saya: Azrai

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

## Faizal Saari idola saya: Azrai

**Kuala Lumpur:** Penyerang skuad hoki negara, Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal (**gambar**) menjadikan pemain berstatus bintang, Faizal Saari sebagai idolanya sehingga membantunya menjadi antara pemain yang sering diberi kepercayaan membarisi skuad kebangsaan.

Dengan statusnya selaku penjaring terbanyak Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini selepas meledak 32 gol bersama pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Azrai sekali lagi berjaya memikat hati ketua jurulatih kebangsaan, Sarjit Singh untuk berada dalam senarai barisan 30 pelatih *Speedy Tigers*.



Dia berharap dapat terpilih dalam senarai 18 pemain terakhir untuk menggalas tugas di Piala Sultan Azlan Shah (PSAS) 2024 yang bakal membuka tirainya 4 Mei ini.

“Saya sentiasa berusaha keras dan memberi segalanya dalam latihan bagi merebut tempat dalam 18 terbaik. Semua pemain turut melakukan perkara sama dan persaingan sihat untuk kami.

“Terpilih atau tidak semuanya terpulang kepada jurulatih dalam membentuk pasukan terbaik bagi menghadapi Piala Sultan Azlan Shah. Memang (Faizal) banyak membantu saya dulu, saya memang sudah lama menjadikan corak permainan Faizal sebagai ikutan, jadi ia sedikit sebanyak membantu saya menyesuaikan diri sehingga sekarang,” katanya.